



KENYATAAN MEDIA

PELUASAN JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL PERKESO DI BAWAH PEMERKASA DIJANGKA MENYUMBANG KEPADA PENGURANGAN KADAR PENGANGGURAN NEGARA

1. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menyambut baik keputusan Kerajaan menambah baik bantuan dan insentif kewangan yang disediakan untuk majikan dan pekerja seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) pada 17 Mac 2021.
2. Antara program pasaran buruh aktif dalam PEMERKASA yang akan dilaksanakan PERKESO adalah insentif penawaran pekerjaan sementara dan pekerjaan gig, dana padanan di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO bagi usahawan wanita dan wanita yang bekerja sendiri, pelanjutan tempoh insentif untuk Program Perantisan serta pelanjutan Program Subsidi Upah 3.0 selama tiga bulan secara bersasar.
3. Selaras dengan pengumuman tersebut, PERKESO sebagai agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia akan melaksanakan insentif pengambilan pekerja di bawah PenjanaKerjaya 2.0 yang merangkumi pekerjaan jangka pendek atau pekerjaan gig di bawah **Program KerjayaGig**.
4. **Program KerjayaGig** menyediakan insentif sebanyak RM600 sebulan sehingga tempoh maksimum 6 bulan kepada pekerja yang diambil bekerja oleh platform penyedia perkhidmatan gig yang berdaftar di bawah PERKESO. Insentif ini disediakan khusus kepada pekerja-pekerja daripada sektor ekonomi yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19 termasuk pekerja yang diberi cuti tanpa gaji,

dikurangkan gaji ataupun yang kehilangan pekerjaan. Insentif yang disediakan ini adalah bagi **pengambilan pekerja yang bermula pada 18 Mac 2021**.

5. Di bawah program ini, platform penyedia perkhidmatan gig yang menawarkan pekerjaan jangka pendek kepada pencari kerja akan menerima insentif sebanyak **RM200 secara “one-off” bagi setiap pengambilan**. Permohonan bagi insentif tersebut boleh dikemukakan kepada PERKESO mulai **1 April 2021**.
6. Untuk tujuan ini, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM300 juta yang akan memanfaatkan 60,000 pekerja. Inisiatif ini dijangka dapat **meningkatkan fleksibiliti pasaran buruh semasa terutamanya dalam sektor pekerjaan sendiri serta mengurangkan kadar dan tempoh pengangguran di negara ini**.
7. Bagi usahawan wanita dan wanita yang bekerja sendiri, mereka akan mendapat manfaat daripada Dana Padanan 70 peratus untuk caruman di bawah Pelan 2 SKSPS (iaitu perlindungan pendapatan sebanyak RM1,550). Menerusi Program **SPS Prihatin Wanita (SPW)** ini, Kerajaan akan membayar 70 peratus daripada caruman tersebut, iaitu sebanyak RM163.00 sementara para usahawan serta wanita bekerja sendiri hanya perlu membayar RM69.80 iaitu 30 peratus daripada caruman setahun Pelan 2 skim tersebut.
8. Permohonan untuk Program SPW ini boleh dibuat mulai **1 April hingga 31 Disember 2021**. Sejumlah RM10 juta telah diperuntukkan Kerajaan bagi inisiatif perlindungan keselamatan sosial kepada usahawan dan pekerja wanita yang bekerja sendiri.
9. Seperti yang digariskan dalam PEMERKASA, Program Subsidi Upah 3.0 (PSU 3.0) akan dilanjutkan selama 3 bulan lagi secara lebih bersasar iaitu khusus bagi sektor pelancongan, perdagangan borong dan runcit serta sektor-sektor lain yang ditutup semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Seramai 400,000 pekerja dan 37,000 majikan dijangka mendapat manfaat daripada Program PSU 3.0 ini dengan peruntukan sebanyak RM700 juta.

- 10.** Lanjutan PSU 3.0 ini membolehkan majikan dalam sektor-sektor terbabit untuk menerima RM600 sebulan untuk setiap pekerja yang bergaji bulanan RM4,000 dan ke bawah. Subsidi upah ini **terhad kepada 500 pekerja bagi setiap majikan**. **Tarikh tutup permohonan PSU 3.0 kekal pada 30 Jun 2021.**
- 11.** Selain itu, para belia tempatan terus diberi perhatian oleh Kerajaan menerusi PEMERKASA, di mana Program Perantisan di bawah PenjanaKerjaya 2.0 dilanjutkan untuk 3 bulan tambahan. Insentif sebanyak **RM800 sebulan** disediakan untuk perantis yang mengikuti **program perantisan untuk tempoh 6 bulan** manakala **RM1,000 sebulan** disediakan bagi perantis yang mengikuti program bagi **tempoh 3 bulan**. **Tarikh akhir permohonan ialah 30 Jun 2021.**
- 12.** PERKESO menyeru para majikan dalam sektor-sektor yang terjejas, platform penyedia perkhidmatan gig dan juga usahawan wanita serta wanita yang bekerja sendiri agar tidak melepaskan peluang membuat permohonan untuk mendapatkan insentif-insentif yang disediakan ini.
- 13.** Maklumat lanjut berhubung inisiatif-inisiatif dalam PEMERKASA akan dimuat naik ke laman sesawang www.perkeso.gov.my dan media sosial rasmi PERKESO dari semasa ke semasa. Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian **1-300-22-8000** atau e-mel **perkeso@perkeso.gov.my**

DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED

KETUA EKSEKUTIF

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

KUALA LUMPUR

19 MAC 2021